



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 8 – 11 OKTOBER 2021

BIL. 46 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 11 Oktober 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,206,502** atau 94.0 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **112,479 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **6,709 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,346,303 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **6,703 kes** daripada catatan harian dengan **96.3 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **37.8 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.8 peratus), Zon Utara (16.7 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (11.1 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **1,037 kes** disusuli oleh Kelantan (938 kes), Johor (777 kes), Selangor (671 kes), Sabah (532 kes), Terengganu (480 kes) dan Pulau Pinang (441 kes). Sejumlah **27,422 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **93 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 10 Oktober 2021 menunjukkan seramai **24,457,378** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,449,198** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,955,946). Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor dengan 2,844,964, Sabah (2,267,127), Sarawak (2,102,717), Perak (1,771,142) dan Pulau Pinang (1,437,194). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 45.76 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Scenario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
  - **USA: Pasaran buruh kembali kukuh apabila tuntutan pengangguran mingguan turun dengan mendadak.** Jumlah yang mengemukakan tuntutan baharu untuk faedah pengangguran menurun paling banyak

dalam tiga bulan minggu lalu, menunjukkan pemulihan pasaran buruh kembali mendapat momentum setelah meningkat semula akibat gelombang jangkitan COVID-19. Tuntutan awal untuk faedah pengangguran negeri menurun 38,000 kepada 326,000 yang disesuaikan secara bermusim untuk minggu yang berakhir pada 2 Oktober. Itu merupakan penurunan terbesar sejak akhir Jun. Penganalisis ekonomi meramalkan 348,000 tuntutan untuk minggu terakhir. Tuntutan yang tidak diselaraskan, yang menurut ahli ekonomi menawarkan bacaan pasaran buruh yang lebih baik, merosot 41,431 kepada 258,909 minggu lalu. California mendahului penurunan tuntutan minggu lalu. Terdapat juga penurunan di Michigan, Ohio, Washington DC dan Missouri di mana ia mengimbangi kenaikan yang ketara di Pennsylvania dan Virginia. (Reuters)

- USA: Presiden Bank Pusat Cleveland menyatakan bahawa **inflasi di USA adalah kebanyakannya didorong oleh faktor berkaitan dengan wabak**. Kedua-dua faktor penawaran dan permintaan menyumbang kepada inflasi USA sekarang, tetapi kebanyakannya perubahan harga semasa mungkin didorong oleh faktor berkaitan dengan pandemik yang mereda dari masa ke masa. Pembuat dasar perlu membezakan tekanan inflasi jangka pendek daripada inflasi yang dapat bertahan lebih lama ketika menentukan cara bertindak balas. Peningkatan jangkaan inflasi jangka penengah dan jangka panjang, dapat menjadi tanda bahawa perubahan harga didorong lebih banyak oleh permintaan yang lebih tinggi daripada yang diharapkan oleh pembuat dasar. (Reuters)
- EU: **Bank of France menjangkakan inflasi di Eurozone akan meningkat dalam beberapa bulan mendatang** dan inflasi akan berada di bawah 2% pada akhir 2022. Lonjakan inflasi adalah kenaikan sementara yang berkaitan dengan kenaikan harga tenaga dan beberapa kawasan lain, dan terdapat penurunan harga di beberapa komoditi. (Bloomberg)
- EU: **Pengeluaran industri Germany merosot kerana gangguan rantai bekalan**. Output perindustrian Jerman mengalami penurunan yang paling tinggi pada bulan Ogos sejak April tahun lalu, disebabkan oleh gangguan rantai bekalan yang menahan pertumbuhan ekonomi terbesar di Eropah dan terutama bagi sektor automatik. Destatis melaporkan output perindustrian turun sebanyak -4.0% pada bulan tersebut setelah kenaikan 1.3% pada bulan Julai. Pengilang terus melaporkan kekangan pengeluaran kerana kekurangan bekalan produk perantaraan. Pengeluaran kereta dan alat ganti kereta turun -17.5% pada bulan tersebut. Syarikat kereta Germany sedang berusaha untuk memenuhi lonjakan permintaan pasca wabak sejak awal tahun ini, kerana kekurangan mikrocip dan produk perantaraan lain. (Reuters)
- CHINA: **Sektor Perkhidmatan pulih pada bulan September** dengan peningkatan yang kuat dalam kedua-dua indicator utama China iaitu pekerjaan dan output. Hasil tinjauan dari IHS Markit menunjukkan Indeks Pengurus Pembelian Perkhidmatan Caixin meningkat kepada

53.4 pada bulan September dari 46.7 pada bulan Ogos. Dengan pengecualian penurunan pada bulan Ogos, output sektor perkhidmatan telah meningkat pada setiap bulan sejak Mei 2020. Tinjauan menunjukkan bahawa keadaan pasaran yang lebih kukuh dan jumlah pelanggan yang lebih tinggi mendorong peningkatan penjualan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, permintaan asing sedikit merosot pada bulan September. (RTT)

- INDIA: **Bank Pusat mengekalkan kadar faedah untuk tidak berubah seperti yang diharapkan.** Bank Pusat India memutuskan untuk membiarkan kadar faedah utamanya tidak berubah pada paras terendah dan menghentikan pembelian sekuriti kerajaan dari pasaran sekunder. Jawatankuasa Dasar Monetari, yang diketuai oleh Gabenor Shaktikanta Das, sebulat suara memilih untuk mengekalkan kadar repo utama pada 4.0% yang mana keputusan itu sesuai dengan jangkaan. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. AEON meneruskan usaha membantu serta **menyokong perusahaan PMKS menerusi inisiatif Lebarkan Sayap Bersama AEON** yang menyaksikan antaranya myAEON2go yang merupakan platform penghantaran barang dalam talian dan pemberian bantuan kewangan kepada PMKS.
2. **Malaysia kekal menjadi pasaran utama kepada pengeluar telefon pintar global, Xiaomi di rantau Asia Tenggara** dari segi pertumbuhan dan teknologi berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk segmen telefon pintar dengan harga lebih berpatutan.
3. Malaysia Airlines melaporkan telah mencatatkan **peningkatan 500 peratus dalam tempahan penerbangan di dalam negeri**, tempahan tertinggi setelah pembukaan semula Langkawi. Kebenaran untuk rakyat Malaysia melakukan perjalanan ke luar Negara dibenarkan tanpa syarat tertentu termasuk aktiviti pelancongan tanpa melalui permohonan MyTravelPass dari Jabatan Imigresen.
4. Projek gelembung perjalanan membabitkan Langkawi mencatatkan jumlah **perbelanjaan pelancong bernilai lebih RM15 juta dan seramai 38,748 pengunjung** memasuki pulau itu dalam dua minggu selepas **pelancaran gelembung perjalanan Langkawi** pada 16 September. Malahan kerajaan sedang berusaha untuk membenarkan pelancong dari luar negara mengunjungi Langkawi.
5. **Hab perdagangan koko di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP)** di sini dilihat mampu menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia sekaligus menambah pendapatan negara. Malaysia lebih banyak mengimport biji koko dari negara-negara Afrika dan memprosesnya dalam negara sebelum mengeksport kembali. Buat masa ini, terdapat empat syarikat tempatan yang menjadikan PTP sebagai hab, antara lain melibatkan **pengisaran biji koko sebanyak 460,000 metrik tan setahun**.
6. Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi yakin dapat mencapai **RM13 bilion nilai eksport perabot kayu Malaysia pada penghujung tahun ini**. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, nilai eksport perabot adalah sebanyak RM6.6 bilion, meningkat 5.2 peratus berbanding RM6.2 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Potensi perabot di Malaysia begitu tinggi kerana Amerika Syarikat adalah negara utama pengeksport iaitu hampir 50 peratus.

7. **Krisis kekurangan cip global dijangka boleh berlarutan sehingga 2022** disebabkan kos penambahan kapasiti semikonduktor baharu. Situasi ini telah memaksa pengeluar, termasuk pengeluar trak dan kenderaan berat, untuk **mengurangkan pengeluaran dan telah mempengaruhi pembekal peringkat pertama serta kedua**. Cabaran rantaian bekalan tertentu akan memakan masa lebih lama untuk diselesaikan seperti meningkatkan pengeluaran cip semikonduktor dan pelaburan tambahan bagi mengembangkan kapasiti penghantaran serta memperlahan pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19.
8. Syarikat induk Malaysia Airlines Bhd iaitu Malaysia Aviation Group Bhd (MAG) akan **mengekalkan jumlah pesawatnya sehingga 2023 memandangkan sektor penerbangan dijangka pulih dari wabak COVID-19**. Walau bagaimanapun, MAG tetap akan menjual pesawat A380 melalui pembukaan tender. Setakat ini, **MAG mempunyai 74 buah pesawat di mana tiada pesawat A380-800 yang sedang beroperasi**. Pada bulan Julai 2021, MAG telah mengeluarkan notis tender terbuka penjualan enam pesawat A380-800 yang dijangka akan selesai pada suku keempat 2021. Pembukaan tender ini bagi mengurangkan implikasi kewangan akibat sekatan pergerakan yang disebabkan oleh COVID-19.
9. Pembukaan semula sempadan negeri akan memberikan suntikan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, sekali gus memberikan sokongan kepada pemulihan ekonomi negara. **Lebih 50 peratus PKS sudah mula beroperasi dengan berhati-hati dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)** yang memberi kebenaran kepada individu yang sudah divaksin sepenuhnya. Dari segi pendapatan, kebanyakan PKS mengalami peningkatan sebanyak 30 peratus.
10. **Kadar miskin tegar adalah 0.4 pada 2019 dan ia naik sehingga 0.8 peratus selepas berlakunya COVID-19**. Kerajaan telah **membelanjakan sebanyak 46.8 peratus daripada RM39 bilion bagi pembangunan asas di seluruh negara**. Bagi mengelakkan peratusan kadar miskin meningkat, kerajaan sedang merancang strategi baharu dengan mewujudkan pegawai khas di peringkat daerah dan pusat. Inisiatif Jalinan Digital Negara (Jendela) telah meningkatkan liputan 4G dan premis yang dapat mencapai gentian optik jika dibandingkan dengan tahun 2020 di kawasan Hulu Selangor. Kaedah Point of Presence (PoP) hab gentian optik akan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai salah satu alternatif bagi memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar diperluas ke kawasan sekitar sekolah, perindustrian, premis kerajaan dan masyarakat sekeliling dan melibatkan 432,300 premis yang akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

11. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial **membangkitkan lima isu utama yang perlu diberi perhatian dalam melindungi dan memelihara kebajikan wanita dan kanak-kanak Malaysia.**
12. **Pasar tani skala kecil akan dibuka di kawasan pendalaman** bagi memberi memberi peluang orang ramai memperolehi pelbagai hasil pertanian dan ternakan segar serta murah yang akan **melibatkan antara 30 hingga 50 peniaga sahaja.**
13. Kerjaya pada masa **depan menuntut masyarakat untuk memiliki pelbagai kemahiran** dan pengkhususan yang tidak lagi memfokus kepada satu bidang sahaja. Peralihan tersebut berikutan perubahan norma hidup kesan daripada wabak COVID-19 yang telah mengubah corak kerja.
14. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melantik **Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu, sebagai Pusat Satelit MyFutureJobs institut pengajian tinggi pertama dalam negara.** Ia merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan akses dan kebolehcapaian masyarakat kepada peluang pekerjaan yang terdapat di seluruh negara. Sehingga 4 Oktober, sebanyak 275,565 peluang pekerjaan aktif ditawarkan kepada lebih 686 ribu pencari kerja berdaftar di MyFutureJobs.
15. PERKESO menganjurkan Karnival Kerjaya *Urban Poor (UP)* Jubli Emas PERKESO yang **menawarkan lebih 7 ribu kekosongan jawatan kepada pencari kerja** yang diadakan secara dalam talian. Program ini melibatkan 71 majikan di enam negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Terengganu dan Sabah, termasuk WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Pendaftaran ke sesi temu duga di Karnival Kerjaya UP Jubli Emas PERKESO ini adalah percuma dan terbuka kepada semua golongan pencari kerja.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 8 Oktober 2021 <i>(non-essential)</i>	<p><b>Malaysia's household debts, at RM1.17tril, still alarming: Economists</b></p> <p>Malaysia's household debt to GDP had declined to 89.6 per cent from a peak of 93.2 per cent as at the end of last year (and 82.7 per cent in 2019). The percentage decline was due to the surge in GDP that Malaysia had recorded in the second quarter (Q2) of this year.</p> <p>Household debt still stands at about RM1.17 trillion, higher than the federal government debt. Malaysia's household debt level remains the highest in Southeast Asia and the second highest in Asia.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/10/734668/malaysias-household-debts-rm117tril-still-alarming-economists">https://www.nst.com.my/business/2021/10/734668/malaysias-household-debts-rm117tril-still-alarming-economists</a>
2.	Metro 10 Oktober 2021 <i>(non-essential)</i>	<p><b>Rentas negeri baik untuk perkembangan ekonomi, sosial</b></p> <p>Kebenaran rentas negeri merupakan langkah yang baik untuk perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat. Namun begitu, orang ramai wajib memakai pelitup muka, basuh tangan selalu, elak tempat sesak dan pilih aktiviti 'outdoor' (luar). Jika bergejala dan tidak sihat, jangan jumpa orang dan jangan lakukan perjalanan. Selain itu, lebih baik membuat</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764755-rentas-negeri-baik-untuk-perkembangan-ekonomi-sosial">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764755-rentas-negeri-baik-untuk-perkembangan-ekonomi-sosial</a>

		pemeriksaan ujian saringan COVID-19 kendiri,	
3.	<b>New Straits Times</b>  10 Oktober 2021  ( <i>non-essential</i> )	<p><b>Ray of hope shines through for domestic tourism</b></p> <p>The resumption of interstate travel, starting Monday, will encourage more family tours to domestic tourist destinations.</p> <p>The United Nations World Tourism Organisation (UNWTO) had estimated that global tourism market would only reach pre-Covid levels by 2024.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/735243/ray-hope-shines-through-domestic-tourism">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/735243/ray-hope-shines-through-domestic-tourism</a>

#### Penemuan penting & isu:

1. Kebenaran rentas negeri merupakan langkah yang baik untuk perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat.
2. UNWTO menganggarkan aktiviti pelancongan dunia akan kembali pulih pada tahun 2024.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan sempadan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjelaskan sektor ekonomi negara. Namun, pengumuman kebenaran rentas negeri merupakan antara langkah proaktif untuk perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat. Pada suku tahun kedua 2020, KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut.
2. Kebenaran rentas negeri dapat menggalakkan aktiviti pelancongan domestik yang terkesan teruk apabila PKP dilaksanakan. Pada tahun 2020, Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) adalah berjumlah RM199.4 bilion dan menyumbang sebanyak 14.1 peratus kepada KDNK (2019: 15.9%). NDKIP telah mengalami penurunan 17.1 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>Utusan Malaysia</b> 8 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>AEON perkasa rantaian bekalan PMKS</b></p> <p>AEON Group Malaysia (AEON) meneruskan usaha membantu serta menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana PMKS menerusi inisiatif Lebarkan Sayap Bersama AEON, sempena majlis ulang tahunnya yang ke-37.</p> <p>AEON merangka pelbagai inisiatif sokongan seperti AEON prihatin, iaitu program pembangunan dan sokongan komuniti yang dijalankan dengan menawarkan platform perniagaan kepada PMKS untuk mengembangkan perniagaan bersama. Seterusnya, myAEON2go merupakan platform penghantaran barang dalam talian. Selain itu, AEON Kredit Service (M) Bhd, turut memberikan pembiayaan bantuan kewangan kepada PMKS, perancangan AEON untuk mendapatkan lesen bank digital yang akan membantu mengukuhkan ekosistem tersebut. Sempena sambutan ulang tahunnya, AEON memperkenalkan Kempen 10.10 dari 8 hingga 17 Oktober 2021 melalui aplikasi myAEON2go bermula jam 10 pagi hingga 8 malam dengan menawarkan diskaun sehingga 10 peratus.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/10/aeon-perkasa-rantaian-bekalan-pmks/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/10/aeon-perkasa-rantaian-bekalan-pmks/</a>

2.	<p><b>Malaysia Gazette</b> 8 Oktober 2021 (Essential)</p>	<p><b>New ceiling price of COVID-19 test kit to be known next month</b></p> <p>Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs, In a statement stating the new wholesale and retail ceiling price of the COVID-19 antigen test kit (self-test) will be released next month, the ministry is making an assessment on the matter and has received feedback from the industry on the level prices that should be considered to ensure an adequate and continuous supply of products.</p> <p>The government had previously set the maximum retail price of the COVID-19 antigen test kit at RM19.90 per set, while the wholesale price was set at RM16 per set, effective September 5. The sale of the COVID-19 antigen rapid test kit by supermarkets is expected to be implemented by the end of this month.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/new-ceiling-price-covid19-test-kit-be-known-next-month">https://www.theedgemarkets.com/article/new-ceiling-price-covid19-test-kit-be-known-next-month</a></p>
3.	<p><b>Malaysia Gazette</b> 9 Oktober 2021 (Non-Essential)</p>	<p><b>Niaga hadapan MSM lebih rendah susulan pengambilan untung minggu hadapan</b></p> <p>Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives dijangka berada dalam aliran yang selepas mencatatkan kenaikan dalam minggu ini, susulan pengambilan keuntungan disebabkan harga yang lebih tinggi, wujud kenaikan eksport yang kukuh dari bulan sebelumnya, selain daripada peningkatan pengeluaran yang agak kecil dan penurunan stok.</p> <p>Dari Jumaat ke Jumaat, Oktober 2021 harga meningkat RM401</p>	<p><a href="https://malaysiagazette.com/2021/10/09/niaga-hadapan-msm-lebih-rendah-susulan-pengambilan-untung-minggu-hadapan/">https://malaysiagazette.com/2021/10/09/niaga-hadapan-msm-lebih-rendah-susulan-pengambilan-untung-minggu-hadapan/</a></p>

		<p>kepada RM5,152 satu tan, November 2021 naik RM473 kepada RM5,085 satu tan dan Disember 2021 adalah RM461 lebih tinggi kepada RM4,966 satu tan. Harga MSM fizikal untuk Oktober adalah RM240 lebih tinggi pada RM5,020 satu tan.</p>	
4.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Pembukaan sempadan negeri beri sinar kepada peniaga</b></p> <p>Pembukaan semula sempadan negeri akan memberikan suntikan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, sekali gus memberikan sokongan kepada pemulihian ekonomi negara. Naib Presiden Persatuan PKS Malaysia, berkata kadar pemulihian PKS ketika ini berada dalam landasan memberangsangkan selepas kerajaan sebelum ini membuka kembali sempadan daerah dan beberapa negeri di Malaysia beralih ke tahap yang lebih baik dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kebanyakan sektor dalam PKS terutama yang terbabit dalam segmen peruncitan serta makanan dan minuman (F&amp;B) juga sudah menarik nafas lega kerana operasi semakin kembali ke tahap normal.</p> <p>Kadar pembukaan perniagaan peruncit yang juga anggota MRA di Lembah Klang sudah hampir mencapai 100 peratus, tetapi masih tertakluk kepada keperluan SOP. Peniaga berharap perniagaan akan meningkat lebih tinggi apabila sentimen pengguna</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain/2021/10/87464/1/pembukaan-sempadan-negeri-beri-sinar-kepada-peniaga">https://www.bharian.com.my/bisnes/ lain/2021/10/87464/1/pembukaan- sempadan-negeri-beri-sinar-kepada- peniaga</a>

		bertambah baik seiring dengan langkah pembukaan sempadan negeri.	
5.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Pusat beli-belah kembali bernafas</b></p> <p>Jumlah pengunjung di pusat beli-belah berada pada kira-kira 50 hingga 70 peratus daripada paras sebelum pandemik, demikian menurut semakan lapangan yang dibuat oleh RHB Investment Bank Bhd bagi meninjau sentimen pengguna baru-baru ini. Tinjauan berkenaan mendapati, ramai pengunjung memilih ruangan terbuka berbanding ruangan tertutup seperti pawagam, yang mencatatkan trafik lebih kecil sedikit. Meskipun kebanyakan perniagaan kembali beroperasi semula, banyak ruang niaga yang ditutup, sekali gus menunjukkan perniagaan menghadapi saat-saat sukar.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/ lain/2021/10/874493/pusat-beli-belah-kembali-bernafas">https://www.bharian.com.my/bisnes/ lain/2021/10/874493/pusat-beli-belah-kembali-bernafas</a>
6.	<b>Berita Harian</b> 11 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Malaysia pasaran penting Xiaomi di Asia Tenggara</b></p> <p>Malaysia kekal menjadi pasaran utama kepada pengeluar telefon pintar global, Xiaomi di rantau Asia Tenggara dari segi pertumbuhan dan teknologi. Malaysia mempunyai potensi pertumbuhan yang jelas selain penembusan segmen telefon pintar yang tinggi. Kadar penggunaan telefon pintar di Malaysia adalah tinggi</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/ teknologi/2021/10/874819/malaysia-pasaran-penting-xiaomi-di-asia-tenggara">https://www.bharian.com.my/bisnes/ teknologi/2021/10/874819/malaysia-pasaran-penting-xiaomi-di-asia-tenggara</a>

		<p>berdasarkan kepada infrastruktur digital yang menyeluruh di negara ini.</p> <p>Sejak kebelakangan ini, khususnya ketika pandemik COVID-19 melanda negara, Xiaomi melihat permintaan yang lebih tinggi untuk segmen telefon pintar pada harga lebih berpatutan. Pengguna terutama golongan B40 juga kini mampu memiliki telefon pintar pada harga yang mampu milik selain peningkatan permintaan untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).</p>	
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
7.	<b>Utusan Malaysia</b> 11 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Syarikat penerbangan tawar diskaun susulan kebenaran rentas negeri</b>  Syarikat-syarikat penerbangan dalam negara mula menawarkan potongan harga untuk menarik lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan mereka selepas perjalanan rentas negeri dibenarkan bermula hari ini (11 Oktober 2021).	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/594915">https://www.malaysiakini.com/news/594915</a>
<b>C. Subsektor Kesihatan</b>			
8.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Seorang ahli psikiatri untuk 100,000 orang di Malaysia</b>  Malaysia kini mempunyai kira-kira 500 ahli psikiatri dengan nisbah seorang ahli psikiatri untuk lebih kurang 100,000 orang, kata Ketua	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874608/seorang-ahli-psikiatri-untuk-100000-orang-di-malaysia">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874608/seorang-ahli-psikiatri-untuk-100000-orang-di-malaysia</a>

		<p>Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.</p> <p>Beliau berkata nisbah yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah seorang ahli psikiatri untuk 10,000 orang, oleh itu bagi mengimbangi perbezaan berkenaan dengan berkesan, profesional penjagaan kesihatan lain perlu meningkatkan kemahiran bagi menilai dan mengurus masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.</p>	
9.	<b>Malay Mail</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Sibu Hospital ready for surge in COVID-19 cases, says Dr Annuar</b></p> <p>Sibu Hospital is ready to face any eventuality in the surge of COVID-19 cases that require hospitalisation, says Sibu Divisional Disaster Management Committee (SDDMC) coordinator, Dr Annuar Rapae.</p> <p>He said although the number of cases in categories 3 and 4 is low, the SDDMC is not taking any chances.</p> <p>“Medical teams from Selayang field hospital in Peninsula will be here as part of the contingency plans in addition to the construction of the modular intensive care unit (ICU) equipped with 10 additional beds, to back up the existing two ICUs.</p> <p>“A 100-bed field hospital will be set up in the parking bays of Sibu Hospital to cater for non COVID-</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/10/10/sibu-hospital-ready-for-surge-in-COVID-19-cases-says-dr-annuar/2012126">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/10/10/sibu-hospital-ready-for-surge-in-COVID-19-cases-says-dr-annuar/2012126</a>

		19 patients, who are awaiting to be discharged.	
10.	<b>Theedgemarkets</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Booking for COVID-19 vaccination can be made through private health facilities from Monday — MoH</b></p> <p>Individuals living around the Klang Valley, who have not been given a COVID-19 vaccination appointment or have yet to receive their second dose, can now get immunised for free at private health facilities other than government health clinics. The Ministry of Health (MoH) in a statement informed that this is being carried out through an adult vaccination booking programme, which began on Monday, at 98 selected private health facilities registered under ProtectHealth Corporation Sdn Bhd.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/booking-covid19-vaccination-can-be-made-through-private-health-facilities-monday-%E2%80%94-moh">https://www.theedgemarkets.com/article/booking-covid19-vaccination-can-be-made-through-private-health-facilities-monday-%E2%80%94-moh</a>
	<b>D. Subsektor Penginapan</b>		
11.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Hotel diminta saring pekerja seminggu sekali</b></p> <p>Pemilik hotel diminta memastikan kakitangan masing-masing melakukan ujian saringan sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi memastikan mereka bebas COVID-19. Perkara itu penting dalam memastikan keselamatan orang ramai terpelihara dan dapat menginap di hotel yang bebas daripada virus itu. Ia juga diguna pakai bagi semua penggiat pelancongan yang berdepan dengan orang ramai, bagi memastikan tempat</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874725/hotel-diminta-saring-pekerja-seminggu-sekali">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874725/hotel-diminta-saring-pekerja-seminggu-sekali</a>

		<p>penginapan dan lokasi pelancongan mereka bebas COVID-19, kata Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA), Datuk Mohd Khalid Harun.</p>	
12.	<b>MSN News</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Tempahan hotel di Langkawi tak berkurang walaupun selepas cetusan jangkitan COVID-19</b></p> <p>Tempahan hotel di Langkawi tidak mengalami penurunan, walaupun tercetus jangkitan baharu di salah sebuah hotel terkemuka di pulau itu, menurut persatuan hotel. Walaubagaimanapun, semua pihak harus menjaga SOP yang telah ditetapkan bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 dan Pihak berkuasa tempatan mesti mengkaji prosedur operasi standard (SOP) tertentu dan memastikan pengunjung pulau diperiksa sebaiknya.</p>	<a href="https://www.msn.com/en-my/news/berita/tempahan-hotel-di-langkawi-tak-berkurang-walaupun-selepas-cetusan-jangkitan-COVID-19/ar-AAPk8TV">https://www.msn.com/en-my/news/berita/tempahan-hotel-di-langkawi-tak-berkurang-walaupun-selepas-cetusan-jangkitan-COVID-19/ar-AAPk8TV</a>
13.	<b>New Straits Times</b> 10 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Govt preparing to welcome international tourists</b></p> <p>With interstate travel ban likely to be lifted soon, the government is now making preparations to welcome international tourists into the country.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2021/10/735220/govt-preparing&gt;Welcome-international-tourists">https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2021/10/735220/govt-preparing&gt;Welcome-international-tourists</a>

		Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri said her ministry has been engaging with its overseas counterparts and also those in the airline industry. Moreover, the industry will be given safe travel solutions made up of the "Travel Safe" label for travel and tour arrangements, "Clean & Safe Malaysia" for hotels, and "SafeBE" for Business Events and convention venues – all certified by Bureau Veritas Certification Malaysia.	
14.	<b>Harian Metro</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Gesa industri sertai program TSA untuk pelancongan selamat</b>  Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menggesa semua pihak berkepentingan dalam industri itu menyertai program pensijilan melalui Travel Safe Alliance (TSA) Malaysia yang diperakui oleh Bureau Veritas Certification Malaysia secara keseluruhan. Ia bagi meningkatkan lagi keyakinan pelancong dan memastikan mereka menikmati pengalaman hospitaliti rakyat Malaysia dengan selamat.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764761/gesa-industri-sertai-program-tsa-untuk-pelancongan-selamat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764761/gesa-industri-sertai-program-tsa-untuk-pelancongan-selamat</a>
15.	<b>Astro Awani</b> 11 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Rentas negeri: Rakyat teruja, pengusaha hotel jangka terima lonjakan tempahan</b>  Kebenaran rentas negeri bermula Isnin menjadi khabar paling gembira buat Keluarga Malaysia setelah sekian lama menanti untuk pulang ke kampung berjumpa insan tersayang dan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rentas-negeri-rakyat-teruja-pengusaha-hotel-jangka-terima-lonjakan-tempahan-324631">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rentas-negeri-rakyat-teruja-pengusaha-hotel-jangka-terima-lonjakan-tempahan-324631</a>

		membawa keluarga bercuti. Pengumuman rentas negeri amat dinantikan pemain sektor pelancongan dan perhotelan kerana ianya memberi sinar semula sekali gus membantu merancakkan lagi aktiviti pelancongan dan menggalakkan semula pertumbuhan ekonomi.	
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. AEON meneruskan usaha membantu serta menyokong perusahaan PMKS menerusi inisiatif Lebarkan Sayap Bersama AEON yang menyaksikan antaranya myAEON2go yang merupakan platform penghantaran barang dalam talian dan pemberian bantuan kewangan kepada PMKS.</li> <li>2. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam satu kenyataan memberitahu harga siling borong dan runcit baharu bagi kit ujian antigen COVID-19 (<i>self-test</i>) akan dikeluarkan pada bulan depan.</li> <li>3. Minyak sawit mentah (MSM) mencatatkan kenaikan pada Oktober 2021 kepada RM5,152 satu tan disebabkan harga yang lebih tinggi serta wujud kenaikan eksport yang kukuh dari bulan sebelumnya.</li> <li>4. Pembukaan semula sempadan negeri akan memberikan suntikan baharu kepada PKS tempatan. Kadar pembukaan perniagaan peruncit di Lembah Klang sudah hampir mencapai 100 peratus, tetapi masih tertakluk kepada keperluan SOP.</li> <li>5. Perniagaan kembali beroperasi semula dan jumlah pengunjung di pusat beli-belah berada pada kira-kira 50 hingga 70 peratus daripada paras sebelum pandemik.</li> <li>6. Malaysia kekal menjadi pasaran utama kepada pengeluar telefon pintar global, Xiaomi di rantau Asia Tenggara dari segi pertumbuhan dan teknologi berikut permintaan yang lebih tinggi untuk segmen telefon pintar dengan harga lebih berpatutan.</li> <li>7. Malaysia Airlines melaporkan telah mencatatkan peningkatan 500 peratus dalam tempahan penerbangan di dalam negeri, tempahan tertinggi setelah pembukaan semula Langkawi. Kebenaran untuk rakyat Malaysia melakukan perjalanan ke luar Negara dibenarkan tanpa syarat tertentu termasuk aktiviti pelancongan tanpa melalui permohonan MyTravelPass dari Jabatan Imigresen.</li> </ol>			

8. Malaysia melaporkan berlakunya masalah kesihatan mental sebanyak 29.2 peratus dalam kalangan orang dewasa berusia 16 tahun ke atas, dengan peningkatan trend dalam kalangan orang dewasa dari 10.7 peratus pada 1996 kepada 29.2 peratus pada 2015.
9. *Individuals living around the Klang Valley, who have not been given a COVID-19 vaccination appointment or have yet to receive their second dose, can now get immunised for free at private health facilities other than government health clinics.*
10. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Nancy Shukri berkata, projek gelembung perjalanan membabitkan Langkawi mencatatkan jumlah perbelanjaan pelancong bernilai lebih RM15 juta dan seramai 38,748 pengunjung memasuki pulau itu dalam dua minggu selepas pelancaran gelembung perjalanan Langkawi pada 16 September. Malahan kerajaan sedang berusaha untuk membenarkan pelancong dari luar negara mengunjungi Langkawi.
11. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani oleh Persatuan Ejen Pelancongan dan Pelancongan Malaysia (MATTA), Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), Persatuan Penganjur dan Pembekal Konvensyen dan Pameran Malaysia (MACEOS) dan Kumpulan Penerbangan Malaysia (MAG) merupakan kerjasama bagi mewujudkan Travel Safe Alliance (TSA) Malaysia.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Kempen yang dilakukan oleh perniagaan seperti AEON dapat membantu dalam peningkatan nilai jualan dalam sektor perdagangan Borong dan Runcit.
2. Inisiatif kerajaan dalam pembukaan semula sempadan Negeri bermula pada 11 Oktober 2021 dilihat dapat merancakkan semula subsektor Perdagangan Borong & Runcit.
3. Harga minyak mentah yang mencatatkan kenaikan harga pasaran melebihi harga siling disebabkan peningkatan pengeluaran yang agak kecil dan penurunan stok akan memberi kesan kepada subsektor Perdagangan Borong & Runcit secara tidak langsung.
4. Perkhidmatan penerbangan mula mencatatkan peningkatan susulan kebenaran rentas negeri dan ini akan meningkatkan semula hasil pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa (51101) dalam segmen Pengangkutan Udara.
5. Gelembung pelancongan mulai 16 September di Pulau Pinang akan diteruskan dan dijangka akan dibuka kepada pelancong luar negara. Ini

<p>akan memberi kesan peningkatan pendapatan terhadap industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST4 2021.</p> <p>6. Program pensijilan melalui Travel Safe Alliance (TSA) Malaysia akan meningkatkan keyakinan pelancong untuk datang ke Malaysia.</p>			
<b>C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)</b>			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Hab Perdagangan Koko Di PTP Diharap Mampu Tarik Pelabur Asing</b></p> <p>Hab perdagangan koko di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini dilihat mampu menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia sekaligus menambah pendapatan negara.</p> <p>Malaysia lebih banyak mengimport biji koko dari negara-negara Afrika dan memprosesnya dalam negara sebelum mengeksport kembali.</p> <p>Buat masa ini, terdapat empat syarikat tempatan yang menjadikan PTP sebagai hab, antara lain melibatkan pengisaran biji koko sebanyak 460,000 metrik tan setahun.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2012135">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2012135</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 11 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Eksport perabot kayu cecah RM13 bilion hujung tahun ini</b></p> <p>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yakin dapat mencapai RM13 bilion nilai</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874955/eksport-perabot-kayu-cecah-rm13-bilion-hujung-tahun-ini">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874955/eksport-perabot-kayu-cecah-rm13-bilion-hujung-tahun-ini</a>

	<p>eksport perabot kayu Malaysia pada penghujung tahun ini.</p> <p>Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, nilai eksport perabot adalah sebanyak RM6.6 bilion, meningkat 5.2 peratus berbanding RM6.2 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.</p> <p>Potensi perabot di Malaysia begitu tinggi kerana Amerika Syarikat adalah negara utama pengeksport iaitu hampir 50 peratus.</p>	
--	--	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Hab perdagangan koko di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini dilihat mampu menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia sekaligus menambah pendapatan negara. Malaysia lebih banyak mengimpor biji koko dari negara-negara Afrika dan memprosesnya dalam negara sebelum mengeksport kembali. Buat masa ini, terdapat empat syarikat tempatan yang menjadikan PTP sebagai hab, antara lain melibatkan pengisaran biji koko sebanyak 460,000 metrik tan setahun.
2. Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi yakin dapat mencapai RM13 bilion nilai eksport perabot kayu Malaysia pada penghujung tahun ini. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, nilai eksport perabot adalah sebanyak RM6.6 bilion, meningkat 5.2 peratus berbanding RM6.2 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Potensi perabot di Malaysia begitu tinggi kerana Amerika Syarikat adalah negara utama pengeksport iaitu hampir 50 peratus.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport biji koko bagi Ogos 2021 adalah RM98.0 juta dan menyusut RM1.0 juta atau 1.4 peratus bulan ke bulan. Malaysia mengeksport biji koko sebanyak 8,510.0 tan metrik dan menyusut 169.0 tan metrik atau 1.9 peratus berbanding bulan sebelumnya. Eksport biji koko memberi sumbangan kecil 0.1 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia.

<p>Nilai import biji koko bagi Ogos 2021 adalah RM365.9 juta dan menyusut RM133.6 juta atau 26.7 peratus bulan ke bulan.</p> <p>2. Nilai eksport perabot kayu dan rotan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 adalah RM6,564.0 juta dan meningkat RM327.0 juta atau 5.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Eksport perabot kayu dan rotan menyumbang 0.5 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia.</p>			
<b>D. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b> 08 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Krisis kekurangan cip mungkin berlarutan: Fitch</b>  Krisis kekurangan cip global boleh berlarutan hingga 2022 disebabkan kos penambahan kapasiti semikonduktor baharu. Kekurangan cip telah memaksa pengeluar, termasuk pembuat trak dan kenderaan berat, untuk mengurangkan pengeluaran dan telah mempengaruhi pembekal peringkat pertama serta kedua. Cabaran rantaian bekalan tertentu akan memakan masa lebih lama untuk diselesaikan seperti meningkatkan pengeluaran cip semikonduktor dan pelaburan tambahan untuk mengembangkan kapasiti penghantaran. Selain itu, kelewatan penghantaran dan kekurangan bekalan bahan mentah dan komponen seperti cip semikonduktor, memperlambat pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19.	<a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/763903/krisis-kekurangan-cip-mungkin-berlarutan-fitch">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/763903/krisis-kekurangan-cip-mungkin-berlarutan-fitch</a>
2.	<b>The Edge Market</b> 11 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Malaysia Airlines to maintain current fleet size until 2023, says MAG</b>  Malaysia Airlines Bhd's parent Malaysia Aviation Group Bhd	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-airlines-maintain-current-fleet-size-until-2023-says-mag">https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-airlines-maintain-current-fleet-size-until-2023-says-mag</a>

	<p>(MAG) will maintain the national airline's current fleet size up to 2023 as the aviation sector is expected to recover from the COVID-19 pandemic. However, MAG will still intend to exit its A380 fleet. To date, it has a fleet of 74 aircraft. At the moment, MAG have a 47 B737-800 [aircraft], 15 Airbus A330-300s, six A330-200 and six A350-900XWB. None of the A380-800s is currently operating. To recap, in July this year, MAG announced that it was conducting an open tender for the sale of six A380-800s to mitigate the financial impact of COVID-19-driven movement restrictions, which brought the global aviation sector to its knees. The national carrier has given various options to prospective buyers under the tender exercise, which is expected to be completed in the fourth quarter of 2021.</p>	
--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Krisis kekurangan cip global dijangka boleh berlarutan sehingga 2022 disebabkan kos penambahan kapasiti semikonduktor baharu. Situasi ini telah memaksa pengeluar, termasuk pengeluar trak dan kenderaan berat, untuk mengurangkan pengeluaran dan telah mempengaruhi pembekal peringkat pertama serta kedua. Cabaran rantaian bekalan tertentu akan memakan masa lebih lama untuk diselesaikan seperti meningkatkan pengeluaran cip semikonduktor dan pelaburan tambahan bagi mengembangkan kapasiti penghantaran serta memperlahan pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19.
2. Syarikat induk Malaysia Airlines Bhd iaitu Malaysia Aviation Group Bhd (MAG) akan mengekalkan jumlah pesawatnya sehingga 2023 memandangkan sektor penerbangan dijangka pulih dari wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, MAG tetap akan menjual pesawat A380 melalui pembukaan tender. Setakat ini, MAG mempunyai 74 buah pesawat di mana tiada pesawat A380-800 yang sedang

beroperasi. Pada bulan Julai 2021, MAG telah mengeluarkan notis tender terbuka penjualan enam pesawat A380-800 yang dijangka akan selesai pada suku keempat 2021. Pembukaan tender ini bagi mengurangkan implikasi kewangan akibat sekatan pergerakan yang disebabkan oleh COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Situasi krisis kekurangan cip global yang dijangka berlarutan sehingga 2022 disebabkan kos penambahan kapasiti semikonduktor baharu akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran terutamanya akaun Barang. Pada suku tahun kedua 2021, akaun Barang mencatatkan lebih RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya.
2. MAG akan mengekalkan jumlah pesawatnya sehingga 2023 memandangkan sektor penerbangan dijangka pulih dari wabak COVID-19. Namun, MAG tetap akan menjual pesawat A380 melalui pembukaan tender yang dijangka selesai pada suku tahun keempat 2021. Kesan ini dapat dilihat pada penyusunan statistik Perkhidmatan terutamanya komponen Pengangkutan. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM8.1 bilion (ST1 2021: defisit RM7.6 bilion).

E. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 10 Okt. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<b>Pembukaan sempadan negeri beri sinar kepada peniaga</b>  Pembukaan semula sempadan negeri akan memberikan suntikan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, sekali gus memberikan sokongan kepada pemulihan ekonomi negara.  Lebih 50 peratus PKS sudah mula beroperasi dengan berhati-hati, tetapi tidak pada kapasiti penuh kerana prosedur operasi standard (SOP) masih dilaksanakan dan hanya memberi kebenaran	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/874641/pembukaan-sempadan-negeri-beri-sinar-kepada-peniaga">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/874641/pembukaan-sempadan-negeri-beri-sinar-kepada-peniaga</a>

		<p>kepada individu yang sudah divaksin sepenuhnya.</p> <p>Dari segi pendapatan pula, kebanyakan PKS mengalami peningkatan sebanyak 30 peratus. Ia satu isyarat yang baik walaupun masih tidak dapat dibandingkan dengan kadar operasi sebelum sekatan pergerakan dilaksanakan.</p>	
2.	<b>Berita Harian</b> 10 Okt. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Pusat beli-belah kembali bernafas</b></p> <p>Jumlah pengunjung di pusat beli-belah berada pada kira-kira 50 hingga 70 peratus daripada paras sebelum pandemik.</p> <p>Walaupun ketakutan kerana bilangan kes yang masih tinggi dan varian Delta yang bermutasi menyebabkan peningkatan pengunjung lebih rendah kali ini, sentimen pengguna masih kekal kukuh, terutama untuk segmen makanan dan minuman (F&amp;B). Walaupun kelemahan perolehan dijangka berlaku dalam masa terdekat akibat gangguan perniagaan pada suku ketiga 2021 memandangkan sekatan pergerakan hanya mula dilonggarkan bulan lalu, pemulihan lebih ketara akan berlaku pada suku terakhir tahun ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/874493/pusat-beli-belah-kembali-bernafas">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/874493/pusat-beli-belah-kembali-bernafas</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembukaan semula sempadan negeri akan memberikan suntikan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, sekali gus memberikan sokongan kepada pemulihan ekonomi negara. Lebih 50</li> </ol>			

peratus PKS sudah mula beroperasi dengan berhati-hati dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang memberi kebenaran kepada individu yang sudah divaksin sepenuhnya. Dari segi pendapatan, kebanyakan PKS mengalami peningkatan sebanyak 30 peratus.

2. Jumlah pengunjung di pusat beli-belah berada pada kira-kira 50 hingga 70 peratus daripada paras sebelum pandemik. Sentimen pengguna masih kekal kukuh, terutama untuk segmen makanan dan minuman (F&B). Walaupun kelemahan perolehan dijangka berlaku dalam masa terdekat akibat gangguan perniagaan pada suku ketiga 2021 memandangkan sekatan pergerakan hanya mula dilonggarkan bulan lalu, pemulihan lebih ketara akan berlaku pada suku terakhir tahun ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengumuman Kerajaan berkenaan pembukaan semula sempadan negeri bermula pada 11 Oktober 2021 akan melonjakkan prestasi perniagaan pada tahap yang lebih tinggi bagi suku keempat tahun ini. Di samping itu, dapat merancakkan ekonomi domestik negara terutamanya sektor PKS yang dalam segmen peruncitan serta makanan dan minuman (F&B).

F.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b> 08 Oktober 2021 (Essential)	<b>Industri penerbangan perlu sokongan kukuh dalam Bajet 2022</b>  Penggiat industri penerbangan berharap kerajaan akan mempertimbangkan pelbagai pakej bantuan dalam Bajet 2022 yang akan dibentangkan bagi menyokong pemulihan perjalanan udara dan operator pelancongan.	<a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/763840/industri-penerbangan-perlu-sokongan-kukuh-dalam-bajet-2022">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/763840/industri-penerbangan-perlu-sokongan-kukuh-dalam-bajet-2022</a>

		<p>Sebagai satu daripada industri yang paling terjejas ketika pandemik COVID-19, sokongan kukuh daripada kerajaan seperti pengecualian cukai, kos perjalanan lebih rendah dan strategi pekerjaan penting untuk memulihkan semula keseluruhan ekosistem, demikian menurut Malaysia Aviation Group (MAG), AirAsia Group dan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB).</p>	
2.	<b>Astro Awani</b> 09 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Kerajaan fokus tangani isu miskin tegar – Mustapa</b></p> <p>Kerajaan akan memberi keutamaan serta penekanan bagi menangani isu miskin tegar di negara ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, pada Khamis lepas.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-fokus-tangani-isu-miskin-tegar-mustapa-324465">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-fokus-tangani-isu-miskin-tegar-mustapa-324465</a>
3.	<b>Selangor Kini</b> 10 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>MAIS bantu 516 keluarga terkesan pandemik di Klang, Kuala Selangor</b></p> <p>Sebanyak 516 keluarga menerima manfaat daripada agihan fidyah oleh Majlis Agama Islam Selangor. Ianya melibatkan 40 penerima di Klang dan 476 di Kuala Selangor. Peruntukan berupa bantuan makanan asas itu melibatkan belanja berjumlah RM51,600.</p>	<a href="https://selangorkini.my/2021/10/mais-bantu-516-keluarga-terkesan-pandemik-di-klang-kuala-selangor/">https://selangorkini.my/2021/10/mais-bantu-516-keluarga-terkesan-pandemik-di-klang-kuala-selangor/</a>
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Penggiat industri penerbangan berharap kerajaan akan mempertimbangkan pelbagai pakej bantuan dalam Bajet 2022 yang akan dibentangkan bagi menyokong pemulihran perjalanan udara dan operator pelancongan.</li> </ol>			

2. Kadar miskin tegar adalah 0.4 pada 2019 dan ia naik sehingga 0.8 peratus selepas berlakunya COVID-19. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak 46.8 peratus daripada RM39 bilion bagi pembangunan asas di seluruh negara. Bagi mengelakkan peratusan kadar miskin meningkat, kerajaan sedang merancang strategi baharu dengan mewujudkan pegawai khas di peringkat daerah dan pusat. Inisiatif Jalinan Digital Negara (Jendela) telah meningkatkan liputan 4G dan premis yang dapat mencapai gentian optik jika dibandingkan dengan tahun 2020 di kawasan Hulu Selangor. Kaedah Point of Presence (PoP) hab gentian optik akan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai salah satu alternatif bagi memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar diperluas ke kawasan sekitar sekolah, perindustrian, premis kerajaan dan masyarakat sekeliling dan melibatkan 432,300 premis yang akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.
3. Sebanyak 516 keluarga menerima manfaat daripada agihan fidyah berupa makanan asas oleh Majlis Agama Islam Selangor bertujuan untuk meringankan beban keluarga.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Menurut Malaysia Aviation Group (MAG), AirAsia Group dan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), sokongan kukuh daripada kerajaan seperti pengecualian cukai, kos perjalanan lebih rendah dan strategi pekerjaan penting untuk memulihkan semula keseluruhan ekosistem yang telah terjejas ketika pandemik COVID-19 dimana ia juga akan mempengaruhi Indek Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi sektor pengangkutan udara.
2. Sejajar dengan usaha kerajaan bagi pembinaan lebih 1,161 menara jalur lebar baharu demi mencapai matlamat 97 peratus capaian Internet 4G di seluruh negara, ia dijangka akan meningkatkan prestasi keseluruhan Indek Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) untuk sektor maklumat dan komunikasi.
3. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).

G.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 11 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Kes harian COVID-19 terus menurun 6,709 kes</b></p> <p>Angka kes baharu COVID-19 terus menunjukkan trend penurunan tiga hari berturut-turut dengan 6,709 kes dilaporkan hari ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/8749/42/kes-harian-COVID-19-terus-menurun-6709-kes">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/8749/42/kes-harian-COVID-19-terus-menurun-6709-kes</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 11 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>340,000 akan terima dos penggalak di Sarawak</b></p> <p>Seramai 340,000 individu di Sarawak dicadangkan untuk menerima suntikan dos penggalak vaksin COVID-19 yang dijangka dilaksanakan minggu ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/8749/77/340000-akan-terima-dos-penggalak-di-sarawak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/8749/77/340000-akan-terima-dos-penggalak-di-sarawak</a>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah kumulatif individu yang dijangkiti virus berkenaan kini mencecah 2,346,303 kes. Semalam, jumlah kes baharu COVID-19 ialah 7,373 kes berbanding 8,743 kes kelmarin.</li> <li>2. Kumpulan terbabit terdiri daripada petugas barisan hadapan serta warga emas. Beliau berkata, senarai itu dicadangkan oleh Kumpulan Penasihat Vaksin COVID-19 Sarawak (SCOVAG). Petugas barisan hadapan perubatan dikategorikan sebagai kumpulan keutamaan pertama manakala kumpulan kedua adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai komorbid. Mereka adalah kumpulan berisiko tinggi dan kita berharap mereka dapat menerima suntikan dos penggalak dalam ini dalam masa terdekat. Beliau berkata, suntikan dos penggalak itu nanti akan menggunakan vaksin Pfizer BioNTech. Kita menggunakan vaksin itu berikutan kelulusan bersyarat yang diberikan oleh Lembaga Kawalan Dادah Malaysia (DCA). Mereka yang memenuhi syarat untuk menerima dos penggalak itu diberikan dengan Pfizer BioNTech tanpa mengira jenis vaksin yang diterima sebelumnya, sama ada AstraZeneca atau Sinovac.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);</li> </ul> </li> </ol>			

- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

H.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 09 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>5 isu utama wanita, kanak-kanak Malaysia</b></p> <p>Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial membangkitkan lima isu utama yang perlu diberi perhatian dalam melindungi dan memelihara kebijakan wanita dan kanak-kanak Malaysia.</p> <p>Lima isu utama yang dibangkitkan dalam mesyuarat keempat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan undang-undang yang diluluskan di Parlimen untuk Akta Suruhanjaya Kanak-kanak yang bebas serta dana yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas</li> </ol>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874217/5-isu-utama-wanita-kanak-kanak-malaysia">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874217/5-isu-utama-wanita-kanak-kanak-malaysia</a>

		<p>dan peranan Suruhanjaya Kanak-kanak;</p> <p>2. Keperluan untuk pembangunan kapasiti pihak berkepentingan yang relevan untuk meningkatkan kecekapan prosedur, termasuk di dalam pengelolaan bantuan kecemasan, penguatkuasaan polis dan bantuan guaman;</p> <p>3. Meningkatkan koordinasi peringkat negeri dalam pengurusan keganasan rumah tangga;</p> <p>4. Mengembangkan sistem pengumpulan data di peringkat nasional yang telus untuk memantau dan menangani kes kekerasan terhadap wanita dan anak-anak; dan</p> <p>5. Memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban agensi-agensi berkaitan</p> <p>Suruhanjaya Kanak-kanak dan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT) diminta untuk menerbitkan laporan tahunan yang boleh diakses oleh masyarakat umum.</p>	
2.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Lindungi kanak-kanak daripada COVID-19</b> <p>Sasaran kerajaan untuk beralih ke fasa endemik terus berada di landasannya, malah kini strategi Kementerian Kesihatan (KKM) bukan lagi mengejar imuniti kelompok, sebaliknya memberi perlindungan kepada seramai mungkin penduduk melalui pelalian COVID-19.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874565/lindungi-kanak-kanak-daripada-COVID-19">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874565/lindungi-kanak-kanak-daripada-COVID-19</a>

	<p>Bagaimanapun, pemberian suntikan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak bawah 12 tahun masih belum dilaksanakan ketika ini. Risiko kanak-kanak dijangkiti COVID-19 lebih tinggi, khususnya mereka yang berusia bawah usia 12 tahun dan belum divaksin, manakala jumlah yang dimasukkan ke hospital turut menunjukkan peningkatan ketara sejak berlakunya penularan varian Delta yang semakin dominan dalam negara.</p>	
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial membangkitkan lima isu utama yang perlu diberi perhatian dalam melindungi dan memelihara kebajikan wanita dan kanak-kanak Malaysia.</li> <li>2. Ibu bapa dinasihatkan tidak membawa anak-anak yang belum menerima suntikan vaksin ke kawasan tertutup, sempit dan sesak serta tidak mempunyai pengudaraan yang baik, terutama yang menggunakan udara kitar semula bagi melindungi golongan tersebut.</li> </ol>		
<p><b>Maklumbalas Bahagian:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sejak kebelakangan ini, sebilangan kanak-kanak didapati menjadi mangsa jenayah di rumah. Sehubungan dengan itu, lima isu utama dibangkitkan sebagai inisiatif membantu golongan tersebut untuk menuntut keadilan. Selain itu, Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Ibu bapa haruslah memainkan peranan untuk memastikan persekitaran selamat bagi melindungi mereka daripada terkena jangkitan wabak COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah masing-masing adalah sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.</li> </ol>		

I.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 10 Oktober 2021 (Essential)	<p><b>Pasar tani skala kecil di pedalaman</b></p> <p>FAMA Terengganu akan membuka pasar tani dalam skala kecil di pedalaman bagi membantu penduduk kampung memasarkan sendiri hasil pertanian secara terus.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/10/874478/pasar-tani-skala-kecil-di-pedalaman">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/10/874478/pasar-tani-skala-kecil-di-pedalaman</a>

Penemuan penting & isu:

1. Pasar tani skala kecil akan dibuka dikawasan pedalaman bagi memberi peluang orang ramai memperolehi pelbagai hasil pertanian dan ternakan segar serta murah yang akan melibatkan antara 30 hingga 50 peniaga sahaja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan pasar tani ini memberi peluang kepada petani memasarkan terus hasil pertanian kepada pengguna dan mengurangkan lambakan yang akan mengakibatkan kerugian. Kerugian (loss) merupakan elemen yang diambil kira dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA). Di samping itu, pembukaan pasar ini akan dapat meningkatkan pendapatan peniaga.

J.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 11 Oktober 2021 (Non-Essential)	<p><b>Kerjaya pasca-COVID perlu miliki pelbagai kemahiran - Muhyiddin</b></p> <p>Kerjaya pada masa depan menuntut masyarakat untuk memiliki kepelbagaian kemahiran dan aneka pengkhususan yang tidak lagi memfokus kepada satu bidang sahaja. Peralihan tersebut ekoran perubahan norma hidup kesan daripada wabak COVID-19 yang menukar corak kerja. Kemahiran data, kecerdasan buatan atau pengkomputeran</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjaya-pascacovid-perlu-miliki-pelbagai-kemahiran-muhyiddin-324661">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjaya-pascacovid-perlu-miliki-pelbagai-kemahiran-muhyiddin-324661</a>

		awan mampu membantu bakal graduan mencipta banyak peluang kerja tanpa ada lagi sempadan.	
2.	<b>The Edge Market 10 Oktober 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>SOCSCO launches first MyFutureJobs IPT Satellite Centre</b></p> <p>The Social Security Organisation (SOCSCO) has appointed Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu as the country's first institute of higher learning (IPT) MyFutureJobs Satellite Centre, as initiative to increase the community's access and accessibility to job opportunities available throughout the country.</p> <p>As of Oct 4, there were 275,565 job opportunities available for more than 686,000 registered jobseekers in MyFutureJobs.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/socso-launches-first-myfuturejobs-ipt-satellite-centre">https://www.theedgemarkets.com/article/socso-launches-first-myfuturejobs-ipt-satellite-centre</a>
3.	<b>The Edge Market 9 Oktober 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Socso holds career carnival on Saturday offering over 7,000 vacancies</b></p> <p>The Social Security Organisation (Socso) will organise a UP (Urban Poor) Socso Golden Jubilee Career Carnival which offers more than 7,000 job vacancies to job seekers on Saturday (Oct 9) via online. Registration for the interview session at the career carnival is free and is open to all job seekers.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/socso-holds-career-carnival-saturday-offering-over-7000-vacancies">https://www.theedgemarkets.com/article/socso-holds-career-carnival-saturday-offering-over-7000-vacancies</a>

4.	<b>Astro Awani</b> <b>9 Oktober 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<b>UOB: Pasaran buruh Malaysia akan dapat momentum pada 2021 dan 2022</b> <p>Pemulihan pasaran buruh Malaysia dijangka akan mendapat momentum lebih lanjut pada bulan-bulan terakhir tahun ini dan berterusan sehingga 2022 apabila lebih banyak perniagaan memulakan operasi dengan kapasiti yang lebih besar sejak pertengahan Ogos lepas. Kelonggaran sekatan berikutan keadaan COVID-19 yang bertambah positif termasuk kemajuan dalam program vaksinasi akan memungkinkan mobiliti yang lebih besar dan oleh itu menyokong aktiviti perbelanjaan yang lebih tinggi menjelang suku keempat 2021 dengan larangan perjalanan antara negeri dijangka akan dihapuskan tidak lama lagi.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/uob-pasaran-buruh-malaysia-akan-dapat-momentum-pada-2021-dan-2022-324353">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/uob-pasaran-buruh-malaysia-akan-dapat-momentum-pada-2021-dan-2022-324353</a>
----	---	--	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Kerjaya pada masa depan menuntut masyarakat untuk memiliki pelbagai kemahiran dan pengkhususan yang tidak lagi memfokus kepada satu bidang sahaja. Peralihan tersebut berikutan perubahan norma hidup kesan daripada wabak COVID-19 yang telah mengubah corak kerja.
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melantik Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu, sebagai Pusat Satelit MyFutureJobs institut pengajian tinggi pertama dalam negara. Ia merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan akses dan kebolehcapaian masyarakat kepada peluang pekerjaan yang terdapat di seluruh negara. Sehingga 4 Oktober, sebanyak 275,565 peluang pekerjaan aktif ditawarkan kepada lebih 686 ribu pencari kerja berdaftar di MyFutureJobs.
3. PERKESO menganjurkan Karnival Kerjaya *Urban Poor* (UP) Jubli Emas PERKESO yang menawarkan lebih 7 ribu kekosongan jawatan kepada pencari kerja yang diadakan secara dalam talian. Program ini melibatkan 71 majikan di enam negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Terengganu dan

Sabah, termasuk WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Pendaftaran ke sesi temu duga di Karnival Kerjaya UP Jubli Emas PERKESO ini adalah percuma dan terbuka kepada semua golongan pencari kerja.

4. Pemulihan pasaran buruh Malaysia dijangka akan mendapat momentum berterusan sehingga 2022 apabila lebih banyak perniagaan memulakan operasi dengan kapasiti yang lebih besar sejak pertengahan Ogos lepas. Kelonggaran sekatan berikutan keadaan COVID-19 yang bertambah positif termasuk kemajuan dalam program vaksinasi akan memungkinkan mobiliti yang lebih besar. Oleh itu, ia menyokong aktiviti perbelanjaan yang lebih tinggi menjelang suku keempat 2021 dengan larangan perjalanan antara negeri dijangka akan dihapuskan tidak lama lagi.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Ogos 2021 yang diterbitkan pada 8 Oktober 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,125.4 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,376.6 ribu
  - iii) Penganggur: 748.8 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,448.5 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4 peratus
  - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
  - iii) Penganggur: 764.9 ribu
  - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
  - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
  - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
  - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
  - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
  - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
  - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
  - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)

- iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
- iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
- v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
- vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)